

Sekitar banjir

Oleh Mohd Azis Ngah, Abdul Razak Raaff, Hussain Said dan Siti Fatimah Mohamed Anwar ● Gambar oleh Abd Rahim Rahmat, Dzulkeffli Mustapa, Muhaizan Yahya dan Shahrul M Zain

Batu Pahat pulih dua minggu lagi

Lima pam ditambah percepatkan aliran air

JOHOR BAHRU: Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata masalah banjir di daerah Batu Pahat akan pulih dalam tempoh 10 hingga 14 hari akan datang.

Beliau berkata, jangkaan itu dibuat jika cuaca panas berterusan di daerah itu, selain menambah lima lagi mesin pengepam berkuasa tinggi bagi mempercepatkan aliran air keluar ke Selat Melaka.

Katanya, tambahan lima mesin pengepam itu yang memulakan kerja mengepam keluar air beroperasi 24 jam dan ditempatkan di Semerah serta Peserai, di sini.

Sebelum itu, tujuh mesin pengepam berkuasa tinggi dengan lima daripadanya diletakkan di Senggarang

dan dua di Peserai digunakan untuk mengepam air terus ke Selat Melaka sejak Ahad lalu.

"Kita harap cuaca panas akan berterusan dan tambahan mesin pengepam ini juga dapat mempercepatkan memulihkan banjir di daerah ini," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Exco di sini, semalam.

Abdul Ghani turut mengulangi kejadian banjir besar yang melanda Johor pada Disember dan pertengahan bulan ini berpunca negeri ini menerima hujan lebat menyeluruh berjumlah hampir 700 milimeter (mm) dalam tempoh tiga hari, bukan faktor lain.

Katanya, sistem saliran, perparitan dan empangan yang dibina bagi me-

ngawal banjir di negeri ini tidak dapat menampung jumlah hujan sebanyak itu dalam tempoh masa yang singkat menyebabkannya ia melimpah serta membanjiri kawasan sekitarnya sebelum sempat tiba ke laut.

Sehubungan itu, beliau menyangkal dakwaan sesetengah pihak yang masih membangkitkan isu banjir besar dua kali di Johor disebabkan kegagalan sistem saliran dan perparitan berfungsi dengan baik.

"Mungkin ada orang terlupa Johor menerima hujan pada kuantiti banyak dan luar biasa dalam tempoh tiga hari pada 17,18 dan 19 Disember lalu adalah menyamai jumlah hujan terima untuk tempoh empat bulan," katanya.



TIADA HALANGAN: Abd Karim Idar (kanan) bersama dua rakannya, Ahmad Bastuki dan Nazri Jailani (tengah) mengutip buah kelapa sawit di kawasan kebun yang masih digenangi air banjir, di Kampung Parit Shukor, Ayer Hitam, semalam.